

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI SHAHBUDIN
BIN YAHAYA
(TASEK GELUGOR)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan perancangan Kerajaan dalam menyediakan rumah mampu milik kepada anggota tentera dan bekas anggota Tentera Malaysia.

JAWAPAN:

Kementerian Pertahanan melalui Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mempunyai perancangan dan projek-projek pembinaan rumah mampu milik untuk anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Di bawah program perumahan mampu milik, LTAT menerusi perbadanan milik penuhnya iaitu Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) dan syarikat kumpulannya sehingga kini telah membina dan menjual sejumlah 1,650 rumah mampu milik kepada anggota tentera yang layak di Mutiara Rini, Johor, Mutiara Damansara, Selangor dan Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur. LTAT dan anak-anak syarikatnya pada masa ini sedang membina sebanyak 1,068 unit rumah kos sederhana dan 580 unit rumah mampu milik PR1MA di Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan 748 unit rumah berkembar 2 tingkat dan 307 unit rumah teres 2 tingkat di Mutiara Rini, Johor yang sebahagian besarnya untuk ditawarkan kepada anggota ATM yang layak.

LTAT akan terus merancang untuk membina lebih banyak rumah-rumah mampu milik di projek perumahan Taman LTAT, Bukit Jalil, Kuala Lumpur serta mengenal pasti tanah-tanah di lokasi yang strategik untuk dibangunkan di semua negeri di Malaysia untuk ditawarkan kepada anggota-anggota ATM yang layak.